



*Gambar hiasan*

## Mahu agensi Persekutuan campur tangan isu pembalakan

16 MEI 2016

GEORGETOWN - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mahu agensi persekutuan mengambil langkah proaktif untuk menghentikan kegiatan pembalakan di hutan simpan Ulu Muda di Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa berkata, hutan simpan itu merupakan kawasan tadahan air utama bagi Sungai Muda - sumber utama air mentah untuk selatan Kedah dan Pulau Pinang.

"Jika hutan simpan itu terus dimusnahkan atau dirosakkan, akan wujud musibah serius dari segi bekalan air mentah dari sungai itu," katanya kepada pemberita semasa waktu rehat makan tengah hari sidang Dun di sini hari ini.

Beliau berkata jika kualiti air mentah dari Sungai Muda dipertaruhkan, ia akan mengancam kualiti bekalan air dirawat yang dibekalkan di selatan Kedah dan Pulau Pinang.

Dilaporkan hari ini bahawa Pengerusi Jawatankuasa Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim berkata kerajaan negeri sedar tentang kegiatan pembalakan di Ulu Muda dan mereka yang didapati bersalah menjalankan kegiatan pembalakan secara haram akan dikenakan tindakan serta merta. - Bernama